

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MESYUARAT JK KERJASAMA STRATEGIK
ANTARA JABATAN PERTANIAN
MALAYSIA DAN ANGKASA BIL. 1/2026**

**13 FEBRUARI 2026 (JUMAAT)
3.00 PETANG
BILIK MESYUARAT BUNGA RAYA
ARAS 16, BLOK 4G2, WISMA TANI
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmannirrahim.

Alhamdulillah Robbil A'lamiin.
Wassolatu Wassalamu A'laa Sayyidina
Muhammad Wa A'la Alihi Wasohbihi
Wasallam.

Assalamulaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Madani,

(SALUTASI)

1. Terima kasih diucapkan kepada
En. Johari bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah
Pertanian
(Pembangunan Industri dan
Pengembangan)
Selaku Pengerusi Bersama bagi
Mesyuarat pada petang ini,
2. Puan Dona Lakai
Pengarah
Bahagian Pengembangan
Pertanian
3. Encik Mohd Nazri bin Abu
Seman
Pengarah
Bahagian Perancangan Strategik
4. Encik Christopher John Biai
Pengarah
Bahagian Pembangunan Industri
Tanaman
5. Ts. Azreen bin Basir

Pengarah
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman

6. Puan Airul Asmiza binti
Khaeruddin

Pengarah
Bahagian Kejuruteraan Pertanian

7. Encik Arizal bin Arshad
Timbalan Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

8. YBrs. Dr. Kasazlinda binti Jamal
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik

9. Encik Nazli bin Mat Aris
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan Strategik

10. YBhg. Dato' Kamarudin Ismail

Naib Presiden ANGKASA merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan
Pembangunan Koperasi

11. Tn. Hj. Nor Azmi bin Abd Jalil
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Pembangunan
Koperasi
12. Dr. Hjh. Salmah binti Ishak
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Hubungan Strategik
13. Encik Muhammad Zuhid bin
Jamaludin
Pengurus Besar Bahagian
Pertanian Asas Tani dan
Perladangan, Kumpulan
Pembangunan Koperasi
14. Encik Nazarudin Shah bin Maaris
Pengurus Kanan (Menjalankan
Fungsi Pengurus Besar)
Bahagian Pengurusan Strategik
Kumpulan Hubungan Strategik

15. Encik Mohd Rais bin Ismail
Pengurus Bahagian Pertanian
Asas Tani dan Perladangan

dan seterusnya Pegawai-Pegawai
Kanan Jabatan Pertanian dan
ANGKASA yang saya hormati
sekalian.

1. Alhamdulillah setinggi – tinggi
kesyukuran dipanjatkan kepada Allah
S.W.T kerana kerana dengan izin dan
limpah kurniannya kerana pada hari ini
kita semua diberikan peluang untuk
berkumpul bersama pada petang ini
bagi menghadiri Mesyuarat
Kerjasama Strategik antara Jabatan
Pertanian Malaysia dengan ANGKASA
berkenaan Kerjasama Pembangunan
Agromakanan Negara.

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Jabatan Pertanian Malaysia kerana sudi menerima kehadiran delegasi ANGKASA pada petang yang amat bermakna ini. Perjumpaan kita pada hari ini adalah satu inisiatif penting dalam memperkukuh hubungan kerjasama strategik antara gerakan koperasi melalui ANGKASA dan juga agensi yang berperanan penting dalam pembangunan industri agromakanan negara.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

3. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian dan ANGKASA telah menandatangani satu Nota Kerjasama Strategik berhubung Pembangunan Agromakanan Negara pada 14 Jun 2024 yang lalu dan berkuatkuasa bagi tempoh dua (2) tahun. Skop utama bagi kerjasama

strategik ini merangkumi perkongsian dan pemindahan teknologi serta inovasi dalam pertanian di samping bagi pembangunan modal insan terlatih bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang tanaman melalui program latihan dan bimbingan teknikal yang bersesuaian. Nota Kerjasama Strategik ini telah mencapai tempoh akhir pada akhir Jun 2025 dan ANGKASA juga telah menghantar surat kepada pihak Jabatan Pertanian pada 9 Julai 2025 menyatakan hasrat bagi meneruskan kerjasama strategik ini bersama pihak Jabatan Pertanian Malaysia.

4. Ikatan kerjasama strategik ini merupakan kesinambungan daripada usahasama yang telah dilakukan oleh ANGKASA bersama pihak Jabatan Pertanian bagi membantu gerakan koperasi di bawah ANGKASA untuk turut terlibat dalam industri agromakanan subsektor tanaman.

5. Pertanian merupakan sektor penting dalam pembangunan negara, dan peranan koperasi sebagai entiti ekonomi yang berdaya maju dalam sektor ini harus sentiasa diketengahkan. Kerjasama yang terjalin antara Jabatan Pertanian Malaysia dan ANGKASA dalam tempoh dua (2) tahun ini telah memberikan impak yang amat positif seterusnya menjadi landasan yang kukuh untuk pembangunan pertanian yang berkesinambungan, di samping dapat meningkatkan pendapatan petani khususnya anggota koperasi di bawah ANGKASA, dan meningkatkan penyertaan koperasi dalam aktiviti pertanian.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

6. Antara kerjasama yang pernah dilaksanakan bersama Jabatan Pertanian Malaysia khususnya di peringkat negeri termasuklah dalam Pembangunan Projek Tanaman Melon di Taman Agroteknologi Pertanian – PERDA, Pulau Pinang. Pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung telah membantu pihak ANGKASA untuk membangunkan projek tanaman melon dan tanaman kontan di sana di mana pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah memberikan sokongan penuh dari segi pemberian geran insentif dalam bentuk input pertanian, khidmat nasihat dan bimbingan teknikal oleh Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT), Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Bahagian Sumber Tanah dan sebagainya dalam usaha untuk membantu ANGKASA meningkatkan

pengeluaran hasil dan produktiviti bagi pembangunan projek tersebut.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

7. Kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian Malaysia dan ANGKASA ini juga dapat memperluaskan jaringan perhubungan antara Jabatan Pertanian Malaysia dan ANGKASA di sepanjang rantai nilai industri agromakanan negara.

8. ANGKASA dan gerakan koperasi khususnya menyokong penuh dan menyahut seruan kerajaan dalam memastikan agenda keterjaminan makanan dapat direalisasikan melalui peningkatan pengeluaran hasil tanaman yang difokuskan dan diberikan keutamaan oleh Jabatan Pertanian Malaysia terutamanya tanaman yang mempunyai kadar sara diri (SSR) yang rendah.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

9. Melalui hubungan kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian dan ANGKASA, gerakan koperasi di bawah bimbingan ANGKASA berpeluang untuk memohon bantuan dan kemudahan berbentuk geran dan insentif yang ditawarkan bagi menjalankan projek-projek pertanian berdasarkan skop, syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pertanian.

10. Adalah diharapkan bahawa kerjasama ini akan membantu meningkatkan akses kepada teknologi pertanian moden, pengeluaran pertanian yang berkesan, pengurusan risiko dalam sektor pertanian, dan mempromosikan pembangunan lestari dan inovasi dalam pertanian.

11. Saya penuh yakin bahawa melalui usaha bersama dan sinergi antara gerakan koperasi di bawah ANGKASA dan Jabatan Pertanian Malaysia, kita akan dapat mencapai kecemerlangan dalam sektor pertanian dan meningkatkan taraf hidup petani serta masyarakat setempat.
12. Harapan saya supaya usaha ini mampu melestarikan ekosistem industri agromakanan negara dengan meningkatkan prestasi rangkaian di semua aktiviti pertanian termasuk yang berkaitan pengeluaran, pemprosesan, pemasaran dan pengedaran khususnya melibatkan gerakan koperasi.
13. Akhir kata, semoga kerjasama strategik ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana jalinan kerjasama ini menjadi titik tolak yang bermakna bagi memastikan usaha gerakan koperasi dalam

pembangunan agromakanan negara dapat diperkasakan dengan lebih aktif dalam membantu kerajaan dalam menangani isu keterjaminan makanan.

Sekian

Wabillahittaufiq walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.